

JELAJAH PATAI TIMUR 2017

23 - 26 September 2017 - Sekolah Menengah Kebangsaan di
Kota Bahru, Kelantan dan Kuala Terengganu, Terengganu



Encik Mohamad Fahmi sedang memberi penerangan kepada pelajar - pelajar.

Seramai 20 orang kakitangan UTMSPACE daripada pelbagai bahagian dan pusat telah menjayakan program Jelajah Pantai Timur yang bermula pada 24 September 2017 di Kota Bahru Kelantan dan 25 September 2017 di Kuala Terengganu, Terengganu bagi mempromosikan program-program UTM dan UTMSPACE. Sebanyak 15 sekolah menengah kebangsaan telah dilawati di Kota Bahru dan 18 buah sekolah menengah kebangsaan di Kuala Terengganu.

Antara objektif jelajah ia adalah untuk membina jalinan bersama dua hala antara UTMSPACE dengan mengadakan temujanji secara bersemuka bersama kaunselor sekolah. Turut diadakan sesi taklimat program UTM dan UTMSPACE kepada pelajar-pelajar tingkatan lima dan enam serta mendapatkan data pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM.

Program ini juga memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar, khususnya kepada program Diploma dan UTMIDP serta maklumat syarat-syarat penting untuk setiap program yang ditawarkan termasuklah membuka ruang sesi soal jawab. Taklimat ini juga dapat memastikan pelajar-pelajar faham dan maklum tentang maklumat program-program ditawarkan di peringkat Diploma dan Sarjana Muda UTMIDP khususnya dan Diploma program franchise UTM serta Diploma Kolej Space umumnya.

Tanda mata berupa poster pengambilan program diberikan kepada setiap sekolah melalui web www.ppd.utmsace.edu.my/diploma amat ditekankan tanpa perlu melalui UPU.

Sekolah Menengah Kebangsaan di Kota Bharu

Bil	SMK Daerah Kota Bharu
1	SMK Sultan Ismail
2	SMK Zainab 2
3	SMK Kadok
4	SMK Kok Lanas
5	Maktab Sultan Ismail
6	SMKA Naim Lil-Banat
7	SMK Dato' Ahmad Maher
8	SMKJ Chung Hwa (CF)
9	SMK Putera
10	SMK Puteri
11	SMK Kubang Kerian 3
12	SMK Panji
13	SM (Sains) Tengku Muhammad Faris Petra
14	SMK Pengkalan Chepa 2
15	SMK Kemumin

Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Terengganu

Bil	SMK Daerah Kuala Terengganu
1	SMK Seri Nilam
2	SMK Tengku Bariah
3	SMK Kuala Telemong
4	SMK Padang Negara
5	SMK Dato' Razali Ismail
6	SMA Sultan Zainal Abidin Ladang
7	SMKA Sheikh Abdul Malek
8	SMA Sultan Zainal Abidin (Atas)
9	SMK Chung Hwa Wei Sin (CF)
10	SMK Tun Telanai
11	SMK Belara
12	SMK Bukit Besar
13	SMA Khairiah
14	SMK Manir
15	SMKA Tok Jiring
16	SM Imtiaz Yayasan Terengganu
17	SMK Chendering
18	SMK Padang Midin



Sepanjang sesi taklimat dan temujanji yang dijalankan, ramai pelajar-pelajar yang berpotensi telah dikenal pasti, khususnya mereka yang berminat di dalam bidang kejuruteraan dan sains. Pelajar-pelajar ini memperlihatkan minat dalam bidang masing-masing melalui sesi soal jawab ketika taklimat berlangsung mahupun selepas taklimat dijalankan.

Antara soalan-soalan yang mereka utarakan adalah berkaitan dengan matapelajaran yang perlu lulus di peringkat SPM untuk menyertai program-program yang diminati. Juga mendapatkan gambaran secara kasar tentang bidang yang mereka ingin pelajari dan ceburi. Pelajar diterangkan tentang syarat-syarat minimum kemasukan yang ditetapkan oleh universiti dan maklum tentang syarat-syarat penting yang lain.



Encik Samsudin sedang memberi penerangan di SMK Zainab (2) Kota Bahru



Encik Rashid Zailan sedang memberikan penerangan kepada pelajar



Sesi soal jawab sedang dijalankan oleh Encik Farhan Khair



SUKAN PERSAHABATAN UTMSPACE & MEDIA PRIMA BERHAD



Para peserta yang menyertai pertandingan



Para peserta sedang beraksi

UTMSPACE buat julung kalinya telah menganjurkan sukan persahabatan bersama rangkaian Media Prima Berhad pada 12 Disember 2017 di Elite Bowl, Residensi UTM Kuala Lumpur. Penganjuran sukan dari Pejabat Pendaftar dan Korporat, Bahagian Pembangunan Bisnes UTMSPACE ini bertujuan merapatkan hubungan serta menghargai sumbangan dan kerjasama media dalam mempromosikan kecemerlangan UTMSPACE.

Penganjuran sukan ini disertai oleh 50 wakil pengamal media MPB termasuk TV3, 8TV, NT7, Hot FM, KOOL FM, Berita Harian, Harian Metro & NSTP telah menyertai sukan tenpin boling dan sukan pingpong secara beregu. Pada pertandingan itu, wakil TV3 kumpulan B menjuarai acara tenpin boling yang diwakili oleh penyampai berita TV3 Nasharuddin Tajudin, Raymond Goh, Mohd Irman Ali dan Mior Abdul Maliki. Bagi jatuhan pin terbanyak pula dimenangi oleh penyampai berita, Encik Kamarudin Mape. Manakala bagi acara begeru pingpong, wakil NSTP mengungguli kejuaraan dengan mengalahkan beregu UTMSPACE.



Pengarah Pejabat Pendaftar & Korporat, Dr. Sofian bin Ibrahim berkata, pertandingan ini sebagai tanda persahabatan serta mengukuhkan lagi hubungan dengan Media Prima Berhad yang banyak membantu selama ini. Majlis penyampaian hadiah dan piala pusingan disampaikan oleh Dr. Sofian bin Ibrahim serta wakil Media Prima Berhad, Encik Nasharudin Tajudin.



Para peserta sedang beraksi



Antara personaliti TV3 yang mengambil bahagian dalam pertandingan



Hadiah yang disediakan oleh penganjur



PERLAWANAN BOLING BERSAMA MEDIA KUALA LUMPUR

UTMSPACE telah menganjurkan Kejohanan Boling bersama Media Kuala Lumpur 2017 di Residensi UTM pada tarikh 16 Oktober 2017. Seramai 50 orang peserta yang membabitkan 10 pasukan campuran terdiri daripada pengamal media sekitar ibu negara dan kakitangan UTMSPACE KL.

Perlawanan yang berlangsung selama 2 jam ini, menyaksikan setiap pasukan yang diwakili lima pemain perlu menamatkan tiga pusingan perlawanan untuk merebut gelaran juara. Semua pemenang menerima hadiah berupa wang tunai dan hamper yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Korporat UTMSPACE, Dr Sofian Ibrahim.



Sebahagian peserta yang memasuki pertandingan



Peserta yang mengambil bahagian sedang membuat pemanasan badan



Para peserta sedang beraksi



Para peserta sedang beraksi

Kategori lelaki dimenangi oleh Hazwan Alias dari TV3 dengan catatan 600 jatuhan pin, manakala Norashidah Md Kassim dari akhbar Kosmo! mengungguli kategori Wanita sebanyak 402 jatuhan pin.

UTMSPACE mengucapkan terima kasih kepada semua pengamal media yang menyertai aktiviti julung kali dianjurkan oleh UTMSPACE KL. Diharap hubungan yang dibina akan terus kekal dan semangat kesukanan ini dapat melahirkan masyarakat yg sihat.



*Dr. Sofian Bin Ibrahim Pengarah Bahagian
Pembangunan Bisnes UTMSPACE
sedang ditemuramah oleh media*



Para peserta sedang beraksi



Para peserta mengambil gambar kenangan selepas sesi perlawanan

Perpindahan Ibupejabat UTMSPACE ke Permis Baharu

Sejak penubuhannya pada 1993 ia mula beroperasi di pejabat Cancelleri UTM. Lalu pada tahun 2000 buat pertama kali ia dipindahkan ke Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, Johor Bahru. Namun setelah 17 tahun beroperasi di Taman Universiti, pada tanggal 19 Disember 2017, UTMSPACE telah memindahkan ibu pejabatnya buat kali kedua ke bangunan T05, Universiti Teknologi Malaysia. Ia merupakan perpindahan untuk beberapa bahagian dan pusat operasi yang di bawah tadbir urus UTMSPACE. Namun hanya tiga pusat atau bahagian yang masih kekal di pejabat Taman Universiti, iaitu Pusat Pembangunan Profesional UTMSPACE, Pusat Program Eksekutif UTMSPACE dan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTMSPACE.

Sebelum itu pada Jun 2017, pejabat cawangan UTMSPACE di Kuala Lumpur, telah memulakan perpindahan mereka terlebih dahulu, daripada bangunan di Jalan Tun Razak ke Bangunan Residensi UTM di Jalan Sultan Yahya Petra, Kuala Lumpur pada pertengahan bulan Jun 2017.

Perpindahan ini adalah bertujuan untuk mengwujudkan sebuah perspektif yang moden dan berdaya saing kepada umum mahupun kakitangan UTMSPACE itu sendiri bagi memberikan perkhidmatan yang lebih efisien selain menawarkan produk-produk yang berkualiti. Kini Ibupejabat UTMSPACE, secara rasminya telah operasi di Aras 4 & 5 Bangunan T05, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor Bahru.



Barang sedang dipunggah naik ke permis yang baharu



sebahagian barang-barang yang sedia untuk dipindahkan



Barang sedang dipunggah naik ke permis yang baharu



kakitangan UTMSPACE sedang mengemas barang-barang di permis baharu UTMSPACE.



kakitangan UTMSPACE sedang mengemas barang-barang di permis baharu UTMSPACE



kakitangan UTMSPACE sedang membuat persiapan untuk berpindah



kakitangan UTMSPACE sedang membuat persiapan untuk berpindah



LAPORAN BULETIN PROGRAM JELAJAH ASPIRASI MAHASISWA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM (PJAM) 2017



Pertandingan Bowling Bersama Pelajar di Johor Bahru

Program Jelajah Aspirasi Mahasiswa Pengajian Separuh Masa UTM (PJAM) 2017 telah diadakan pada 18 November sehingga 23 Disember 2018. Program ini telah di jalankan di 10 buah pusat pembelajaran UTMSPACE seluruh Malaysia.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang program berlangsung. Antaranya adalah perjumpaan pengurusan PPSM/ UTMSPACE bersama mahasiswa. Perjumpaan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dari segi urusan akademik, operasi pengajaran dan pembelajaran dan pandangan dan cadangan daripada mahasiswa di 11 buah pusat pembelajaran seluruh Malaysia.

Sesi Audit perjalanan kuliah program Sarjana Muda (Semester I 2017/2018) juga telah dijalankan dengan tujuan bagi memantau proses pengajaran dan pembelajaran di semua pusat pembelajaran seluruh Malaysia. Audit kuliah ini adalah penting bagi PPSM untuk membuat penambahbaikan dari segi operasi dan keperluan akademik pada masa akan datang.

Acara Pertandingan Bowling antara mahasiswa dan pengurusan PPSM/ UTMSPACE juga telah dijalankan. Melalui aktiviti riadah ini ia mampu memupuk hubungan yang baik antara pelajar dan kakitangan UTMSPACE.



Perjumpaan wakil pengurusan PPSM bersama mahasiswa Pusat Pengajian Alor Setar



Perjumpaan Pengurusan PPSM bersama Mahasiswa Pusat Pengajian Kuching, Sarawak



Sebahagian peserta Industrial Talk EAC 2017 di Pusat Pengajian Kota Kinabalu



Pertandingan Bowling Bersama Pelajar di Pusat Pengajian Kuching

Dan acara terakhir adalah taklimat **Industrial Talk EAC 2017**, yang memberi pendedahan kepada mahasiswa kejuruteraan tentang ilmu dan maklumat yang berkaitan perkara EAC. Bagi sesi taklimat industri EAC, panel-panel berwibawa dan berpengalaman telah dilantik bagi menyampaikan taklimat dan maklumat berkaitan pendaftaran dan laluan menjadi seorang jurutera profesional kepada bakal graduan program kejuruteraan. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Ybhg Prof Madya Ir. Dr. Hayati Binti Abdullah iaitu Pengarah daripada UTM Academic Leadership Centre (UTMLead) dan juga merupakan mantan Pengerusi The Institution of Engineers Malaysia (IEM) cawangan selatan. Panel yang kedua ialah Ybhg Laksamana Pertama Dato' Ir. Ahmad Murad Bin Omar, Pengerusi Eksekutif Omahams Corporation Sdn. Bhd dan merupakan seorang jurutera profesional berpengalaman lebih 30 tahun.



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH DEKAN DAN HADIAH UTMSPACE SEMPENA KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



*Penerima anugerah di Majlis Anugerah Dekan
Pada Konvokesyen UTM kali ke-58*



*Penerima anugerah di Majlis Anugerah Dekan
Pada Konvokesyen UTM kali ke-59*

UTMSPACE telah menganjurkan Majlis Anugerah Dekan & Hadiah UTMSPACE bersempena dengan Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia ke-58 pada 28 April 2017 bertempat di Pulau Springs Resort, Johor Bahru. Majlis ini diadakan bagi tujuan meraikan para graduan yang cemerlang yang telah memperolehi pencapaian yang tertinggi dalam pengajian mereka. Pada majlis ini, seramai 12 graduan telah menerima Hadiah Akademik UTMSPACE Kelas Pertama. Turut diraikan Penerima Anugerah Dekan seramai 35 graduan yang telah mendapat PNGK 3.50 dan ke atas. UTMSPACE juga amat berbesar hati memberikan Hadiah Khas UTMSPACE kepada graduan yang memenuhi kriteria bagi kategori Veteran iaitu seramai 5 graduan dan kategori Suami-Isteri iaitu seramai 4 pasangan graduan yang telah sama-sama Berjaya dan bergraduan pada konvokesyen ke-58 UTM ini.

Manakala, pada 27 Oktober 2017 yang lalu, sekali lagi UTMSPACE telah menganjurkan majlis yang sama bersempena dengan Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia ke-59, yang bertempat di Dewan Maharani, Impiana Hotel, Senai Johor Bahru. Pada majlis ini, seramai 26 orang graduan telah menerima Hadiah Akademik UTMSPACE atas kejayaan mendapat Kelas Pertama. Turut diraikan Penerima Anugerah Dekan seramai 51 graduan yang telah mendapat PNGK 3.50 dan ke atas. UTMSPACE juga berbesar hati memberikan Hadiah Khas UTMSPACE kepada graduan yang memenuhi kriteria kategori Suami-Isteri seramai 5 pasangan graduan yang telah sama-sama berjaya bergraduan pada konvokesyen ke-59 UTM ini.

Seluruh warga UTMSPACE mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya dalam usaha menuntut ilmu di UTM ini. Pada Majlis Konvokesyen Ke- 58 & 59 UTM itu sahaja telah menyaksikan ramai anak watan telah berjaya mencapai segulung ijazah dan angka keseluruhan graduan bagi Program Pengajian Separuh Masa UTM adalah seramai 16,611 graduan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi negara, UTM memainkan peranan yang sangat signifikan bagi membangunkan sumber modal insan yang profesional dalam bidang sains dan teknologi. Dan UTMSPACE sebagai pemain utama bagi saluran pengajian sepanjang hayat amat komited dalam memastikan aspirasi, visi dan misi universiti tercapai untuk pembangunan insan sejangat.

SIDANG RIDAKSI

Editor | MOHAMAD FAHMI B. AMAT EASAN Grafik | MARIA BINTI AHMAD
Fotografi | SYED MUHAMMAD HILMI BIN SYED YAHYA